

## Perubahan Makna Leksikal ‘Dedak’ di Media dalam Talian Sumbangan kepada Perkamusan Melayu

### The Changes of the Lexical Meaning of the Word “Dedak” in the Online Media in its Contribution to the Malay Lexicography

WAN ROBIAH HI. MEOR OSMAN & CHONG SHIN

#### ABSTRAK

*Bahasa merupakan medium penting dalam menyampaikan hasrat, sentimen, gagasan dan cetusan pemikiran. Bahasa juga dijadikan alat utama oleh masyarakat dalam menyalurkan maklumat tersurat atau tersirat. Gaya komunikasi masyarakat dunia telah berubah seiring dengan perkembangan dunia rangkaian jalur lebar yang menawarkan pelbagai perkhidmatan dalam talian termasuklah interaksi versi moden. Masyarakat kini lebih banyak meluangkan masa berinteraksi menggunakan platform teknologi maklumat. Perkembangan ini secara tidak langsung telah memberikan kesan kepada perubahan bahasa masyarakat. Oleh hal demikian, makalah ini meneliti perubahan makna kata ‘dedak’ dalam kedua-dua kamus yang dibandingkan iaitu Kamus R. O. Windstedt (1960) dan Kamus Dewan (2007) dengan melihat perubahan makna berasaskan masa. Sumber data kajian ini diperolehi daripada media sosial iaitu Facebook dan portal berita Malaysiakini dengan memanfaatkan Teori Tangan Ghaib oleh Keller (1994). Carian enjin google trends juga digunakan untuk melihat populariti kata ini digunakan oleh masyarakat. Hasil kajian mendapati bahawa makna kata dedak tidak mengalami perubahan makna yang ketara dalam kedua-dua kamus yang dibandingkan. Namun, menerusi penggunaan bahasa masyarakat dalam media dalam talian didapati kata dedak telah mengalami perubahan makna yang drastik kesan daripada ledakan situasi sosiopolitik negara. Justeru, perubahan makna ini merupakan salah satu sumbangan penting kepada perkembangan perkamusan Melayu.*

*Kata kunci: Perubahan makna; media dalam talian; perkamusan Melayu*

#### ABSTRACT

*Language is an important medium in conveying a sentiment, intentions and ideas. Furthermore, language is also used as a tool to convey implied and implicit information. With advance technology, the style of communication has also evolved. Today’s society has spent a lot of time communicating via an online platform which affected their language use. Therefore, this research analyzes the changes in meaning based on time of usage for the word ‘dedak’ in two dictionaries that are R. O. Windstedt dictionary (1960) and Kamus Dewan (2007). The data for this research is from Facebook and an online news portal Malaysiakini and the Invisible Hand Theory by Keller (1994) is also utilized. The search engine Google trends were used in order to see the popularity of the word use. The research findings show that the meaning of the word ‘dedak’ did not portray the obvious change in both of the dictionaries. However, through the use of online media, drastic changes were presented in terms of its meaning due to the socio-political changes in the country. The changes imply that the meaning of a word is one of the important contributions in the development of Malay lexicography.*

*Keywords: Changes in meaning; online media; Malay lexicography*

#### PENGENALAN

Dunia rangkaian jalur lebar telah memberikan kesan terhadap gaya hidup dan gaya komunikasi masyarakat moden kini. Masyarakat moden kini cenderung menggunakan media dalam talian sebagai platform utama komunikasi. Revolusi komunikasi yang berbekalkan teknologi berasaskan internet dan pengkomputeran memungkinkan interaksi merentas ke seluruh pelusok dunia. Media komunikasi

baharu ini telah dapat memenuhi keperluan penting psikologi dan sosial masyarakat yang menjadikan internet sebagai tempat bertemu dan berinteraksi serta membentuk perhubungan (Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah 2011). Dengan perkembangan teknologi pengkomputeran ini media sosial dan portal berita dilihat menjadi salah satu wadah komunikasi dan sumber pengetahuan penting bagi masyarakat. Hampir setiap hari pengguna mengakses jaringan internet untuk berkomunikasi atau mendapatkan

pelbagai maklumat dan keperluan. Media sosial merupakan saluran komunikasi digital iaitu para pengguna boleh berkongsi maklumat, berinteraksi dengan segera, berkomunikasi secara dua hala dan penghantaran mesej yang cepat ke beberapa orang dalam masa yang sama (Khusnul Hanafi & Mohd. Helmi Abd. Rahim 2017). Laman sosial Facebook contohnya merupakan laman paling popular di dunia dengan penggunanya di Malaysia melebihi 11 juta orang (Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah 2011).

Kemajuan teknologi dan persekitaran jaringan sosial antara masyarakat telah mewujudkan kesan terhadap penggunaan bahasa sesebuah masyarakat. Pengguna dalam talian dilihat cenderung meluahkan perasaan, sentimen, idea dan buah fikiran tanpa batasan. Segala luahan perasaan, idea dan buah fikiran ini kebanyakannya didorong oleh faktor-faktor semasa yang berlatarkan politik, ekonomi dan persekitaran sosial semasa yang berlaku. Media dalam talian ini dilihat menjadi sumber interaksi pelbagai lapisan masyarakat dan menjadi salah satu alternatif untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang berkaitan persekitaran sosiopolitik semasa negara. Oleh sebab itu, media alternatif ini dilihat menjadi salah satu faktor penyumbang kepada ‘tsunami politik bandar’. Menerusi kajian Junaidi Awang Besar et al. (2014) terdapat 60 peratus (15 juta) daripada 28 juta rakyat Malaysia telah mengakses internet untuk mendapatkan maklumat politik. Analisis keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 2004, 2008 dan 2013 menunjukkan bahawa ‘tsunami politik bandar’ berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif ini (Junaidi Awang Besar et al. 2014). Ekoran daripada penggunaan media alternatif ini secara tidak langsung memberikan kesan kepada perubahan bahasa khususnya. Impak daripada penggunaan media alternatif ini telah mewujudkan pelbagai makna leksikal yang baharu hasil daripada ketidakpuasan hati masyarakat dalam menyampaikan ‘mesej’ atau ‘niat’ menerusi pemilihan kata-kata tertentu seperti kata *dedak*. Justeru, kajian ini meneliti pemerian makna baharu kata *dedak* hasil daripada interaksi pengguna dalam talian dengan memanfaatkan Teori Tangan Ghaib oleh Keller (1994).

### KERANGKA TEORI


Teori Tangan Ghaib atau *Invisible Hand Theory* ini mengambil ilham daripada teori ekonomi oleh

seorang ahli falsafah Scotland iaitu Adam Smith (1776). Beliau memperkenalkan teori ini dengan mengandaikan bahawa manusia ini dipimpin oleh ‘tangan ghaib’ (‘kuasa yang tidak kelihatan’) untuk mendapatkan faedah bagi diri mereka sendiri yang pada akhirnya keputusan yang dibuat atas kepentingan diri sendiri (peribadi) dengan secara tidak langsung tanpa dirancang telah memberikan kesan kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Seiring dengan teori ini Keller (1994) menyedari bahawa perubahan bahasa penutur juga merupakan satu perubahan alamiah yang dilakukan oleh individu (dengan niat sengaja), namun hasil perubahan yang terjadi adalah di luar niat (kawalan) individu seperti pernyataan di bawah:

*“Language change is the unintended result of intentional individual behavior. Individuals apply strategies or “maxims” when they use their language, such as “speak in such a way that you are communicatively successful” and “talk like the others talk”. Although most of these maxims lead to the creation of linguistic conventions, some maxims can — unintentionally — lead to change, such as “talk in such a way that you are noticed” and “talk in such a way that you do not spend superfluous energy”.*

### SKEMA TEORI INVISIBLE HAND

Dalam *Invisible Hand Theory* ini terdapat skema yang digunakan oleh Keller (1994) dalam memperjelaskan fenomena berbahasa masyarakat. Skema yang dimaksudkan ini ialah;



Skema dalam teori ini dibahagikan kepada beberapa pecahan iaitu:

### KEADAAN EKOLOGIKAL (*ECOLOGICAL CONDITIONS*)

Keadaan ekologi ialah suatu fenomena berbahasa pada peringkat mikro yang melibatkan individu sebagai pelaku kepada perubahan bahasa. Pada peringkat ini penutur sebagai pengguna bahasa yang mempunyai latar belakang sosial yang rencam menggunakan sesuatu kata itu mengikut keperluan komunikasi semasa serta mempunyai niat terhadap

sesuatu kata yang diujarkan. Pada peringkat ini juga aspek linguistik dan bukan linguistik (sosial, budaya dan sebagainya) turut terlibat yang secara langsung mempengaruhi tingkah laku berkomunikasi individu.

#### MAKSIM TINDAKAN, *MAXIMS OF ACTIONS* (*INTENTIONAL ACTIONS*)

Maksim Tindakan merupakan suatu kecenderungan untuk bertindak mengikut cara tertentu atau sesuatu strategi perlakuan sama ada sedar atau tidak dalam fenomena perubahan bahasa. Maksim tindakan ini berfungsi sebagai pilihan terhadap sesuatu tindakan. Dalam erti kata lain, maksim ini bermaksud sebab musabab sesuatu tindakan yang dilakukan dalam mengubah sesuatu bahasa atau makna.

#### PROSES TANGAN GHAIB (*INVISIBLE HAND* *PROCESS*)

Proses tangan ghaib (*invisible hand process*) ialah suatu proses di luar kawalan manusia yang menerangkan tentang proses perubahan makna dalam sesuatu kata. Proses perubahan makna dalam sesuatu kata itu berlaku secara tanpa sedar menerusi masa. Kesesuaian pemerian makna terhadap sesuatu kata banyak dipengaruhi oleh ketepatan mesej yang ingin disampaikan oleh pengguna bahasa.

#### PANGKAL PENJELASAN (*EXPLANANDUM*)

Pangkal penjelasan ialah suatu pernyataan tentang kesan akibat sesuatu kata itu berubah makna (contohnya kehilangan sesuatu kata, peluasan dan perubahan makna dan sebagainya). Pada peringkat ini hasil yang wujud (kehilangan kata, peluasan dan perubahan makna) adalah daripada pelbagai tindakan oleh individu. Hal ini kerana pembinaan struktur linguistik dalam masyarakat melalui proses komunikasi secara kolektif atau secara bersama.

#### KANDUNGAN UTAMA TEORI INVISIBLE HAND

Menurut Keller (1994), Teori *Invisible Hand* ini mengandungi tiga elemen berikut iaitu:

- i. Penerangan tentang motif, niat, sasaran seseorang.
- ii. Penerangan tentang proses yang menghuraikan tindakan individu tersebut.
- iii. Penerangan tentang struktur yang dihasilkan oleh tindakan tersebut.

Konsep di atas ini iaitu (i) – (iii) juga diterapkan dalam artikel Keller (2006:6) yang membincangkan tentang perubahan semantik kata. Keller mengatakan perubahan makna diterangkan atas 3 faktor berikut:

1. Motif pertuturan [(*The assumes motives of the speakers (e.g. wanting to avoid being misunderstood*)].
2. Makna linguistik sesuatu motif [(*The linguistics means for the realization of these motives*)].
3. Kesannya pada linguistik [(*The linguistics consequences (on the level of langue) that are the results of the speakers' choice*)].

#### METODOLOGI

Makalah ini memanfaatkan media sosial iaitu Facebook dan portal berita Malaysiakini.com sebagai sumber data primer dengan menggunakan Teori Tangan Ghaib oleh Keller (1994) dalam menganalisis makna baharu leksikal *dedak*. Setelah analisis dilakukan, kata *dedak* ini dibuat perbandingan dengan dua buah kamus iaitu Kamus R. O. Windstedt (1960) dan Kamus Dewan (2007). Kedua-dua kamus ini dipilih atas dasar tahun terbitan yang melebihi 40 tahun antara kedua-duanya. Kamus Bahasa Melayu R.O. Windstedt (1960) dipilih kerana dikatakan kamus ini merupakan kamus Melayu yang mengandungi kata-kata Melayu moden (Kamus Dewan Edisi Pertama 1970: XXV). Sementara itu, Kamus Dewan Edisi Keempat Cetakan Kedua (2007: XV) kerana kamus ini merupakan kamus umum bahasa Melayu yang paling autentik yang menjadi rujukan utama pengguna bahasa Melayu di Malaysia khususnya dan seluruh dunia amnya. Seterusnya, perbandingan berasaskan masa telah dilakukan dengan membandingkan kedua-dua kamus tersebut bersama-sama trend berbahasa masyarakat kini yang diperoleh daripada *google trends*.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Takrifan leksikal *dedak* berdasarkan Kamus R.O. Windstedt (1960:73) secara khususnya adalah seperti berikut:

**Dedak I**

tepong kulit padi berchampur melukut.

**Terdedak II**

Pk., sesak, berdedam (saperti perahu)

Menerusi Kamus R.O. Windstedt (1960), menunjukkan pemerian makna *dedak* ialah “tepung kulit padi yang bercampur dengan melukut (pecahan beras yang halus-halus atau hujung beras)”. Manakala makna kedua iaitu terdedak menunjukkan kata yang berasal dari negeri Perak yang membawa maksud “sesak seperti keadaan perahu atau berdentam yang berkaitan dengan perasaan”.

Manakala, berdasarkan Kamus Dewan (2007:325), pemerian makna kata *dedak* secara umumnya adalah seperti berikut:

**Dedak I**

kulit padi yg menjadi serbuk ketika padi ditumbuk; *bagai padi hendakkan ~, bagi laki hendakkan kendak* prb orang yg suka menolak pemberian yg baik dan lebih suka membuat pekerjaan buruk; *minta ~ kpd orang mengubik* prb minta bantuan pd orang yg tidak mampu menolong.

**Dedak II**

**dedak; berdedak, mendedak**

bersesak-sesak, berapat-rapat (bkn perahu dll).

**Dedak III**

**dedak; berdedak**

menaruh perasaan dendam atau sakit hati, berdentam: *memang sudah lama hati saya ~ melihat lagak lakumu dlm negeri ini.*


Menerusi pemerian makna dalam Kamus Dewan (2007) di atas dapat disimpulkan bahawa kata *dedak* merupakan “sejenis kata nama yang memerihalkan tentang kulit padi yang ditumbuk halus dan kebiasaannya serbuk padi ini digunakan sebagai makanan untuk haiwan ternakan”. Manakala, makna kedua *dedak* ialah “berkenaan keadaan bersesak-sesak atau berapat-rapat yang berkaitan dengan perahu”. Sementara itu, makna ketiga pula ialah berkaitan dengan “emosi manusia yang berdentam atau sakit hati”.

PERUBAHAN MAKNA LEKSIKAL *DEDAK* DALAM KAMUS

Jika dibandingkan makna dalam kedua-dua kamus ini tidak banyak perbezaan makna yang berlaku walaupun jarak masa penghasilan kedua-dua kamus ini adalah hampir 50 tahun. Dalam tempoh yang panjang ini memperlihatkan bahawa kata *dedak* ini dilihat tidak produktif. Hal ini dapat dilihat dalam Kamus Dewan (2007) merupakan perincian daripada Kamus R.O. Windstedt (1960). Perbandingan kedua-dua kamus ini menunjukkan tiada perubahan makna yang ketara atau signifikan yang berlaku untuk kata *dedak*. Kamus Dewan (2007) hanya memperincikan makna asal dalam Kamus R.O. Windstedt (1960) dengan lebih mendalam tanpa wujud penambahan makna baharu.

PERUBAHAN MAKNA LEKSIKAL *DEDAK* DALAM TALIAN

Penggunaan kata *dedak* menerusi *google trends* dalam tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan daripada tahun-tahun sebelumnya. Jika dilihat kata *dedak* ini hanya digunakan sebanyak 30% pada September 2012. Namun penggunaan kata ini mulai melonjak dan mencecah 100% sekitar bulan Mac dan April 2016. Dalam tahun 2017, kata ini dilihat penggunaannya sekitar 80% yang menunjukkan penutur bahasa di Malaysia masih menggunakan kata ini dalam interaksi sosial mereka. Populariti penggunaan kata *dedak* ini dalam kalangan pengguna laman sosial amat ketara dihangatkan lagi dengan suasana politik semasa negara.



ILUSTRASI 1. Penggunaan Kata *Dedak* di *Google Trends*

## ANALISIS

Tinjauan ke atas penggunaan kata *dedak* dalam talian mendapati bahawa terdapat enam subentri yang berasingan. Berikut adalah analisis untuk keenam-enam subentri tersebut:

### a) DEDAK I

Sebelum ini masyarakat menggunakan makna pertama kata *dedak* sahaja yang dikhususkan untuk makanan haiwan, manakala dua makna lain dalam Kamus Dewan (2007) jarang digunakan. Walaupun demikian, daripada perincian yang diperoleh daripada *google trends* jelas menunjukkan kata *dedak* ini menjadi popular. Hal ini dapat dilihat menerusi penelitian di laman sosial *Facebook* dan portal *Malaysiakini.com*. Contoh-contoh yang diberikan hanya sebahagian kecil daripada sekian banyak ayat yang digunakan oleh pengguna laman sesawang yang diteliti. Berikut merupakan contoh-contoh ayat yang digunakan dalam kedua-dua laman sesawang tersebut:

DATA 1. Penggunaan Kata *Dedak I* dalam Talian


Contoh	Ayat
1	Bantuan kerajaan selama ini untuk membantu rakyat di label seperti <i>memberi dedak</i> kepada haiwan. Kerajaan A' bina sekolah, bina rumah, bina jalan, semua ini untuk rakyat bukannya bagi <i>makan dedak</i> . Dedak itu makanan haiwan tidak patut disamakan dengan bantuan yang diberikan kerana kita prihatin dengan keperluan rakyat (Sumber: <a href="https://www.facebook.com/search/top/?q=najib%20razak">https://www.facebook.com/search/top/?q=najib%20razak</a> )
2	Tu la pemuda Parti A diajar makan <i>duit dedak</i> dan gila pangkat. (Sumber: <a href="https://www.facebook.com/kcdmalaysia/">https://www.facebook.com/kcdmalaysia/</a> )

## PROSES TANGAN GHAIB

Berdasarkan pemerian kamus berkaitan kata nama *dedak* serta kata kerja *memberi* dan *makan* serta kata nama *duit*, dapatlah dihuraikan menggunakan Skema Teori Tangan Ghaib yang pertama iaitu daripada segi keadaan ekologi yang merupakan fenomena berbahasa pada peringkat mikro yang melibatkan individu sebagai pelaku dalam perubahan bahasa. Pada peringkat ini pengguna bahasa mengambil kata *dedak*, *memberi*, *makan* dan *duit* untuk diasosiasikan dengan mesej yang ingin disampaikan. Makna asal kata *dedak* ini iaitu “serbuk kulit padi yang merupakan sisa baki yang tidak digunakan dan

dijadikan makanan haiwan” telah dijadikan kiasan dan dikaitkan juga dengan kata *memberi*, *makan* dan *duit* agar pemilihan kata ini dapat memberikan satu mesej kepada pengguna bahasa yang lain.

Daripada keadaan ekologi bagi ketiga-tiga kata ini dikaitkan pula dengan maksim tindakan yang merupakan strategi perlakuan pengguna dengan secara sedar menggunakan keempat-empat kata ini bagi tujuan berkias atau menyindir secara terang-terangan kepada pihak yang disasarkan mesej sindiran ini. Seterusnya, menerusi maksim tindakan ini dapat dilihat proses tangan ghaib berlaku iaitu suatu proses di luar kawalan pengguna bahasa yang tanpa disedari telah menyebabkan kata yang pada mulanya digunakan oleh individu tertentu telah menjadi meluas penggunaannya dan menjadi suatu ikutan oleh pengguna yang lain untuk menggunakan kata *dedak* khususnya dan kata *makan*, *memberi* serta *duit* sebagai penguat kepada mesej yang ingin disampaikan. Proses perubahan makna berlaku iaitu terhadap kata *dedak* yang pada asalnya “serbuk kulit padi untuk makanan haiwan” telah bertukar kepada kata “sogokan, habuan atau rasuah” yang telah bertukar kelas kata menjadi kata adjektif dan kata *makan* dan *memberi* itu dikaitkan dengan konsep “menghulur, menyalur atau menaburkan”, serta kata *duit* sebagai habuan atau sogokan. Apabila ketiga-tiga kata ini iaitu *memberi*, *makan* dan *duit* digabungkan dengan kata *dedak* maka wujudlah perubahan makna dalam kata *dedak* khususnya. Oleh itu, dalam bahagian pangkal penjelasan menerusi Teori Tangan Ghaib kata *dedak* telah berubah makna. Pangkal penjelasan ini merupakan kesan akibat sesuatu kata itu berubah makna disebabkan oleh proses komunikasi secara kolektif atau secara bersama dalam masyarakat khususnya pengguna media sosial.



RAJAH 1. Skema Teori Tangan Ghaib – *Dedak I*

Oleh itu, daripada Rajah 1 dapatlah dihuraikan kata *dedak* khususnya telah berubah makna daripada kata asalnya pada peringkat keadaan ekologi iaitu serbuk kulit padi, sisa baki yang tidak berguna dan dijadikan makanan haiwan kepada sogokan, habuan, rasuah atau bantuan daripada sumber atau hasil kotor

pada peringkat penjelasan apabila mengalami Proses Tangan Ghaib yang merupakan proses luar kawalan berbahasa yang telah menyebabkan perubahan makna berlaku dan kelas kata juga berubah disebabkan oleh maksim tindakan yang bertujuan menyindir pihak tertentu yang memberikan kesan terhadap perubahan kata *dedak* ini.

#### b) DEDAK II

Seterusnya, contoh (3), (4) dan (5) pula memaparkan penggunaan kata *dedak* dalam konteks yang berlainan, iaitu daripada segi penggunaan frasa *hidangan dedak*, *kemutuan dedak* dan *pemakan dedak*. Perhatikan ketiga-tiga contoh berikut:


DATA 2. Penggunaan Kata *Dedak* II dalam Talian

Contoh	Ayat
3	Org yg selalu komen <i>makan dedak</i> nie sebab dia sekeluarga biasa <i>makan dedak</i> mungkin di rumahnya selalu ada <i>hidangan dedak</i> sebab tu dia dah tak ingat benda lain lagi asyik ingat <i>dedak</i> meng tak tau bersyukur. (Sumber: <a href="https://www.facebook.com/search/top/?q=najib%20razak">https://www.facebook.com/search/top/?q=najib%20razak</a> )
4	Ni sy tolong admin selak kot2 ada macai yg tolong jawab untuk A. Nak tengok jugak la apa alasan depa nak bagi. Baru kita boleh buat kajian tahap <i>kemutuan dedak</i> yg dimakan lalu dihadam oleh barisan macai <i>pemakan dedak</i> , menteri buat hal, depa kata dak! Bila disoal, depa buat pekak! Barua!!! (Sumber: <a href="https://www.facebook.com/kcdmalaysia/">https://www.facebook.com/kcdmalaysia/</a> )
5	Merujuk kepada sejarah Nabi Daud AS, A menyentuh mengenai " <i>pemakan dedak</i> " yang disifatkannya sebagai golongan yang istiqamah dalam perjuangan. (Sumber: <a href="https://www.malaysiakini.com/">https://www.malaysiakini.com/</a> )

#### PROSES TANGAN GHAIB

Daripada segi keadaan ekologi kata *dedak*, seperti yang diterangkan sebelum ini, kata *dedak* pada asalnya bermaksud serbuk padi, sisa buangan yang dijadikan makanan haiwan. Namun maknanya telah berubah apabila digunakan dalam contoh (3). Hal ini dapat dilihat dalam maksim tindakan seseorang individu yang sama ada sedar atau tidak telah menggunakan kata *hidangan dedak* ini bagi tujuan berkias tentang sesuatu makanan atau sajian yang diperoleh daripada sumber yang tidak baik atau bersifat kotor. Menerusi Proses Tangan Ghaib berlaku perubahan makna bagi kata asal *dedak* kepada sesuatu yang kotor. Kiasan kata adjektif kotor ini diberikan atas tafsiran dan

andaian pengguna bahasa tentang perihal *dedak* yang merupakan sisa buangan daripada serbuk padi dan diberikan kepada haiwan seperti itik atau ayam yang menunjukkan gambaran kekotoran. Rentetan daripada perihal gambaran kotoran ini dan konotasi kepada sumber atau hasil yang kotor maka pengguna bahasa sama ada sedar atau tanpa sedar telah memberikan tafsiran kotor atau sesuatu yang tidak baik ini kepada *hidangan dedak* dan *pemakan dedak*. Manakala frasa *kemutuan dedak* menunjukkan kepada nilai atau kualiti yang diperoleh daripada sumber yang kotor atau bersifat tidak baik ini. Oleh hal yang demikian, kesan akibat daripada penggunaan yang meluas ini, maka dalam pangkal penjelasan Teori Tangan Ghaib berlaku perubahan makna dan kelas kata kepada kata *dedak* ini. Perincian pemerian perubahan makna ini dapat dilihat menerusi skema Teori Tangan Ghaib dalam Rajah 2.



RAJAH 2. Skema Teori Tangan Ghaib – *Dedak* II

#### c) DEDAK III

Berikut terdapat dua contoh penggunaan kata *dedak* yang menunjukkan perubahan makna yang berlainan dengan *dedak I* dan *dedak II* di atas. Perhatikan contoh-contoh seperti berikut:


DATA 3. Penggunaan Kata *Dedak* III dalam Talian

Contoh	Ayat
6	Agensi A sama je <i>dedak</i> sape nak percaya (Sumber: <a href="https://www.facebook.com/kcdmalaysia/">https://www.facebook.com/kcdmalaysia/</a> )
7	Hahaha...haji <i>dedakian</i> (Sumber: <a href="https://www.facebook.com/kcdmalaysia/">https://www.facebook.com/kcdmalaysia/</a> )

Dalam contoh (6) di atas kata *dedak* yang pada asalnya bermaksud serbuk padi untuk makanan haiwan dalam keadaan ekologi telah berubah makna dalam maksim tindakan yang membentuk suatu perlakuan menyindir kepada badan yang dipertanggungjawabkan mengurus hal ehwal yang berkaitan dengan rasuah yang dikatakan tidak menjalankan tugas dan telah disamakan seperti *dedak*. Manakala dalam contoh 7 pula, kata *dedak* telah digabungkan dengan akhiran *-ian*. Hal ini mewujudkan kreativiti berbahasa oleh pengguna bahasa dalam media sosial.

PROSES TANGAN GHAIB

Proses Tangan Ghaib berlaku dengan memerihalkan inovasi makna ekoran kesan daripada ketidakpuasan hati rakyat dan menyebabkan kata *dedak* dalam contoh (6) telah diangkat dan digunakan dalam menggambarkan sesuatu perbuatan yang ditafsirkan sebagai bersekongkol, berkomploit yang telah mewujudkan makna baharu kepada kata *dedak* dalam pangkal penjelasan (lihat Rajah 3).



RAJAH 3. Skema Teori Tangan Ghaib – *Dedak* III

Dalam contoh (7) pula kata asal *dedak* (keadaan ekologi) telah berubah akibat perlakuan menyindir (maksim tindakan) oleh pengguna bahasa di media sosial. Kemarahan pengguna media sosial ini diterjemahkan menerusi penambahan kata yang telah dicipta. Hal ini dapat dilihat dalam contoh (7) di atas kata *dedak* telah ditambah akhiran *-ian*. Lazimnya penambahan akhiran *-ian* ini digunakan dalam bahasa Inggeris untuk menunjukkan kesatuan atau kumpulan, golongan. Hal yang sama juga telah dilakukan oleh pengguna bahasa di media sosial dengan menambah akhiran *-ian* bagi kata *dedak*. Penambahan akhiran ini telah mengubah makna asal *dedak* dan kata ini telah mengalami Proses Tangan Ghaib apabila penggunaan kata ini telah mengubah makna yang memberikan tafsiran tentang pengikut atau penyokong tegar (lihat Rajah 3). Walaupun kata *dedak* ini berubah makna tetapi kelas katanya tidak berubah iaitu kata nama.

d) DEDAK IV


Berpandukan data di contoh (8) berikut, didapati bahawa makna kata ini berkaitan dengan sesuatu konsep atau idea yang bersifat abstrak. Perhatikan contoh berikut:

DATA 4. Penggunaan Kata *Dedak* IV dalam Talian

Contoh	Ayat
8	A dah <u>kehabisan dedak</u> ke sampai nak menyalak kat sini? (Sumber: <a href="https://www.facebook.com/kcdmalaysia/">https://www.facebook.com/kcdmalaysia/</a> )

PROSES TANGAN GHAIB

Menerusi contoh (8) di atas didapati kata nama *dedak* berubah daripada makna asal kepada makna yang baru iaitu ketandusan idea, ideologi, atau sentimen. Hal ini dapat diteliti menerusi konteks ayat yang digunakan oleh pengguna media sosial yang menunjukkan penggunaan ayat secara sinis dengan menempelak pemimpin masyarakat yang dilihat mulai kehabisan idea, ideologi atau sentimen. Dalam contoh (8) ini juga dilihat pengguna media sosial menggunakan kata ‘menyalak’ sebagai sindiran tajam dalam menyampaikan mesej kepada orang yang disasarkan. Perubahan kata ini berlaku secara semula jadi tanpa disedari oleh masyarakat. Kehadiran makna baru ini hanya diketahui apabila konteks penggunaannya semakin menonjol dan ketara. Pengguna lazimnya menggunakan bahasa pertuturan dengan tujuan untuk menyampaikan hasrat, niat atau mesej tertentu kepada pihak tertentu yang disasarkan. Oleh hal demikian, dapat dilihat menerusi Rajah 4 kata *dedak* ini berubah makna namun kelas kata tidak berubah.



RAJAH 4. Skema Teori Tangan Ghaib – *Dedak* IV

e) DEDAK V

Seterusnya, menerusi analisis kata *dedak* V pula dapat diteliti kata *dedak* jika ditambah imbuhan awalan yang telah membentuk kata terbitan baru menjadi *pendedak* dalam contoh (9) di bawah.


DATA 5. Penggunaan Kata *Dedak* V dalam Talian

Contoh	Ayat
9	Tak yah layan <u>pendedak</u> . (Sumber: <a href="https://www.facebook.com/kcdmalaysia/">https://www.facebook.com/kcdmalaysia/</a> )

PROSES TANGAN GHAIB

Daripada contoh (9) di atas kata nama *dedak* yang asal telah digabungkan dengan imbuhan awalan peN- membentuk kata nama *pendedak*. Dalam konteks kata *pendedak* ini, imbuhan awalan peN- digabungkan dengan kata dasar untuk penanda makna orang yang melakukan sesuatu atau orang yang suka atau gemar atau cenderung akan sesuatu

(Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood 2002). Asalnya makna dedak seperti Rajah 5 di bawah iaitu menerusi keadaan ekologi yang menggambarkan fenomena berbahasa masyarakat pada peringkat mikro yang melibatkan individu dengan memberikan makna *dedak* sebagai sisa baki yang tidak berguna untuk makanan haiwan telah mengalami perubahan makna hasil daripada maksim tindakan yang melibatkan perlakuan menyindir masyarakat yang akhirnya mencetuskan perubahan bahasa terhadap kata *dedak* ini. Penambahan imbuhan awalan ini telah memberikan satu gambaran kepada mesej dalam ayat di atas dengan memberikan makna *pendedak* itu sebagai seseorang yang memberikan sogokan atau rasuah. Hal ini disebabkan menerusi contoh *dedak* I sebelum ini yang bermaksud rasuah, sogokan dan habuan. Maka *pendedak* dalam konteks ayat di atas ialah perasuah. Perubahan makna ini dilihat sangat menarik kerana kata *dedak* dalam keadaan ekologi atau asalnya hanyalah merupakan serbuk kulit padi telah berubah makna kepada sesuatu perbuatan berunsur keji dan kotor yang dapat diasosiasikan menerusi keadaan makanan haiwan daripada sisa yang tidak berguna.



RAJAH 5. Skema Teori Tangan Ghaib – *Dedak* V

f) DEDAK VI

Selain itu, kata *dedak* juga berubah makna apabila digabungkan dengan kata *tinggal* seperti contoh (10) di bawah.


DATA 6. Penggunaan Kata *Dedak* VI dalam Talian

Contoh	Ayat
10	Kuasa kamu akan <u>tinggal dedak</u> bila tiba waktu dan ketikanya. (Sumber: <a href="https://www.facebook.com/kcdmalaysia/">https://www.facebook.com/kcdmalaysia/</a> )

PROSES TANGAN GHAIB

Menerusi data (10) di atas dapat dilihat bahawa makna kata *dedak* ini mengalami peluasan makna daripada makna asal serbuk kulit padi yang merupakan sisa atau baki yang tidak berguna diperluaskan menjadi sisa dalam konteks kuasa dalam kepimpinan.

Contoh (10) ini dilihat mengalami peluasan makna kerana kata *dedak* itu masih mempunyai hubungan dengan makna kata asal *dedak*. Pengguna media sosial telah menghubungkan makna asal dengan makna yang telah diperluaskan dalam konteks kuasa dalam sesuatu kepimpinan. Peluasan makna ini dilihat ekoran suasana politik negara yang mencetuskan rasa tidak puas hati masyarakat umum yang cenderung menyindir untuk menyampaikan mesej mereka berkenaan kepimpinan negara.



RAJAH 6. Skema Teori Tangan Ghaib – *Dedak* VI

Berdasarkan contoh-contoh di atas dapat dilihat kata *dedak* telah mengalami peluasan dan perubahan makna yang ketara kesan daripada penggunaan bahasa pengguna di media sosial. Sindiran yang tajam oleh pengguna media sosial ini rentetan daripada keadaan politik negara dewasa ini yang penuh dengan fitnah rasuah. Oleh sebab itu, kata *dedak* menjadi sangat popular digunakan dalam ayat yang berbaur politik. Kata ini dilihat sebagai satu kata yang mempunyai mesej sindiran tajam terhadap suasana fitnah rasuah ini. Menariknya, makna kata yang tidak berubah hampir 50 tahun dalam Kamus R.O. Windstedt (1960) dan Kamus Dewan (2007) secara tiba-tiba popular dan ketara digunakan oleh pengguna media sosial disebabkan suasana politik negara semasa yang bertebaran tentang fitnah rasuah terhadap pemimpin negara. Hal yang sama juga berlaku dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat 2008 yang menyaksikan aliran ‘pilihan raya media sosial’ berikutan penggunaan Twitter dan Facebook yang tinggi dalam kalangan sukarelawan Barack Obama. Dalam aliran penyalahgunaan media sosial dengan kadar ledakan berita palsu, media sosial tetap menjadi pilihan utama untuk menguar-uarkan aktiviti politik oleh pemimpin politik negara (Sara Chinnasamy 2018). Hal yang sama juga dinyatakan oleh Raja Petra Kamaruddin seorang yang dikenali ramai, merupakan sosiopolitik blogger yang mengatakan bahawa internet iaitu rangkaian komputer antarabangsa memainkan peranan penting dalam pilihan raya ke-12 di Malaysia yang telah ‘menyembuhkan’ sikap tidak peduli kelas menengah yang akhirnya membawanya ke kotak



undi keseluruhannya (Jun-E Tan dan Zawawi Ibrahim 2008).

Justeru, menerusi perubahan makna dalam kata *dedak* khususnya dapatlah diperincikan lagi dengan mengaitkan tiga elemen utama dalam Teori Tangan Ghaib iaitu tentang motif pertuturan, makna linguistik tentang motif dan kesannya pada linguistik.

### MOTIF PERTUTURAN

Motif yang merupakan niat individu dalam berkomunikasi dapat dilihat bagi kata *dedak* iaitu pengguna menggunakan kata ini bagi tujuan berkias atau menyindir tentang konsep rasuah, sogokan, habuan, sumber atau hasil yang kotor, bersekongkol, berkomplot, pengikut tegar dan sebagainya (rujuk keenam-enam makna *dedak* yang diperoleh dalam Rajah 1, Rajah 2, Rajah 3, Rajah 4, Rajah 5 dan Rajah 6) yang dikatakan berleluasa dalam suasana politik semasa.


### MAKNA LINGUISTIK TENTANG MOTIF

Kata *dedak* yang bermaksud sisa dan kegunaannya sebagai makanan haiwan telah ditafsirkan oleh penutur bahasa Melayu berunsur menghina.

### KESANNYA PADA LINGUISTIK

Kata *dedak* berubah makna harfiahnya kepada kata berunsur ejekan dalam konteks penggunaannya di media sosial. Kata ini telah muncul sebagai kata popular yang bersifat ejekan terutamanya dalam aspek berbau politik.

Gambaran perincian menerusi tiga elemen utama dalam Teori Tangan Ghaib ini dapat dilihat dalam Rajah 7 di bawah:



RAJAH 7. Tiga Faktor Utama Perubahan Semantik Kata *Dedak*

Menerusi analisis kata *dedak* di atas dapatlah diperincikan pemerian definisi atau entri baharu makna *dedak* ini. Pemerian ini adalah seperti berikut:

#### **Dedak 1**

1. sogokan, habuan, rasuah yang diterima oleh seseorang;
2. bantuan daripada sumber atau hasil yang kotor;

#### **Dedak 2**

1. kotor; hidangan ~, makanan ~;
2. sumber atau hasil tidak baik atau kotor; orang yang memakan daripada sumber yang tidak baik;

#### **Dedak 3**

1. bersekongkol, berkomplot;
2. seseorang yang menjadi pengikut dan penyokong tegar kerana sogokan;

#### **Dedak 4**

1. ketandusan idea, ideologi, sentimen; dia sudah kehabisan ~.

#### **Dedak 5/pendedak**

1. pemberi sogokan atau rasuah, perasuah

#### **Dedak 6**

1. sisa, baki, sesuatu yang tinggal sedikit; kuasa kamu akan tinggal ~ bila tiba waktu dan ketikanya;

### KESIMPULAN

Impak daripada penggunaan teknologi maklumat ini tercermin menerusi perubahan makna leksikal *dedak* yang dituturkan oleh masyarakat. Perubahan makna dalam leksikal ini berlaku secara tiba-tiba dan tersebar dalam masa yang singkat. Walaupun penyebaran perubahan atau maklumatnya berlaku dalam lingkungan yang luas namun ia mempunyai batasan iaitu hanya terbatas secara dalam talian. Hal ini kerana, medium interaksi yang menjadi pilihan utama kini bersifat dalam talian kerana keupayaannya menjangkau ke seluruh pelosok dunia dan bersifat mudah, pantas serta disenangi oleh masyarakat dunia. Perubahan makna leksikal ini menjadi penyumbang kepada pemerian makna baharu dalam perkamusan Melayu. Kerelevanan perkamusan Melayu mengikut arus zaman sangat penting dan signifikan dalam mengisi makna baharu berteraskan penggunaan bahasa masyarakat dalam trend jaringan sosial dalam talian di Malaysia khususnya.

## NOTA

- <sup>1</sup> Penggunaan huruf A, B, C dan sebagainya dalam contoh-contoh adalah untuk kata ganti nama parti, individu atau perkara tertentu.

## RUJUKAN

- Facebook. <https://www.facebook.com/kcdmalaysia/> (akses pada 10 Mei 2019).
- <https://www.facebook.com/search/top/?q=najib%20razak> (akses pada 13 Mei 2019).
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. 2014. Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis 'Tsunami Politik Bandar'. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 10: 28-38.
- Jun-E Tan & Zawawi Ibrahim. 2008. *Bloggng and Democratization in Malaysia. A New Civil Society in the Making*. Selangor: Strategic Information and Research Development Centre.
- Kamus Bahasa Melayu R. O. Windstedt*. 1960. Singapore dan Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Kamus Dewan Edisi Pertama*. 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat Cetakan Kedua*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keller, R. 1994. *On Language Change: The Invisible Hand in Language*. London and New York: Routledge.
- Keller, R. 2006. Paths of Semantic Change. [www.phil-fak.uni-duesseldorf.de/rudi.keller](http://www.phil-fak.uni-duesseldorf.de/rudi.keller)
- Khusnul Hanafi & Mohd. Helmi Abd. Rahim. 2017. Penggunaan Media Sosial dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Terbentuknya Gerakan Sosial oleh Pemimpin Pelajar Universiti di Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 12(2): 087-101; 1823-884x.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2002. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati binti Mohd Salleh. 2008. Pilihan Raya Umum Ke-12 (Pru-12): "Tsunami" Politik Melayu? *Malaysian Journal of History, Politics and Strategy (JEBAT)* 35: 49-64.
- Sara Chinnasamy. 2018. Media Sosial Mampu Pengaruhi Pengundi PRU-14. *BH Online* 28 Februari 2018. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/02/393862/media-sosial-mampu-pengaruhi-pengundi-pru-14> [18 Oktober 2018].
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. 2011. Media Baharu Yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 13(2): 93-110.

Wan Robiah Hj. Meor Osman  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Malaysia Sarawak  
E-mel: mowrobiah@unimas.my

Prof. Madya Dr Chong Shin  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mel: chongshin@ukm.edu.my

Diserahkan: 26 April 2019  
Diterima: 24 September 2019